**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**
BAHAGIAN DASAR & ANTARABANGSA
ARAS 3, BLOK E3, KOMPLEKS E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 62505 PUTRAJAYA
TEL : 03-8883 5311 FAX : 03-8889 3613 WEB : http://www.mohe.gov.my

Fail Kami : KPT.A. 640-1/12 Jld 29 (63)
Tarikh : 8 September 2009

***SENARAI SEPERTI EDARAN***

Y.Bhg.Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Prof.

**PELAWAAN PENCALONAN *UNESCO-SHARJAH PRIZE FOR ARAB CULTURE 2009***
**(PENCALONAN INI HANYA UNTUK PENSYARAH KANAN / TETAP DI IPTA SAHAJA)**

Dengan hormatnya diarah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah menerima sesalinan makluman edaran mengenai ***Pelawaan Pencalonan UNESCO-Sharjah Prize for Arab Culture 2009*** dari Ibu Pejabat UNESCO Paris, Perancis melalui Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM).

3. Untuk makluman Y.Bhg.Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Prof., tujuan utama penganugerahan adalah ***"... to reward the work of two eminent personalities, groups of persons or institutions from the Arab States and from abroad that have significantly contributed through artistic, intellectual or promotional outreach to the development, knowledge and spread of Arab Culture with a view to promoting cultural dialogue and understanding in the world"***.

4. Untuk makluman Y.Bhg.Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Prof. jua, hadiah anugerah adalah bernilai USD 60,000 akan dibahagikan di antara **dua (2) orang** penerima ***laureates*** yang akan dipilih oleh Ketua Pengarah UNESCO dengan rekomendasi sebuah panel penilai antarabangsa yang dilantik khas. Maklumat lanjut berkenaan anugerah tersebut adalah seperti di **Lampiran A.**

5. Kerjasama pihak Y.Bhg.Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Prof., adalah dipohon untuk menyebarluaskan makluman tersebut di Universiti/Agensi masing-masing dan seterusnya mengemukakan permohonan lengkap **(jika ada)** dalam bentuk ***hard copy*** dan ***soft copy*** ke Bahagian ini melalui **pos/faks dan e-mel** (bha@mohe.gov.my) **sebelum atau pada 30 September 2009 (Rabu)** untuk tujuan penyelarasan sebelum dipanjangkan kepada pihak SKUM.

TERIMA
10 SEP 2009
Pejabat Naib Canselor UKM

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**( DATO' ROHANI ABDULLAH )**
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

s.k. Y.Bhg. Datuk KSU, KPT

TKSU(B), KPT